

06 MAY 1998

Jawatan (Analisis Berita)

DEBARAN KETUA MENTERI BARU SEMAKIN MEMUNCAK

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 6 Mei (Bernama) -- Kurang empat minggu dari sekarang, Sabah akan menyaksikan satu lagi perubahan tampuk pemerintahan kerajaan negeri apabila seorang Ketua Menteri baru dilantik daripada kalangan pemimpin Bumiputera bukan Islam mengikut satu sistem perkongsian kuasa yang unik.

Apabila fasa ketiga sistem penggiliran jawatan itu berkuatkuasa hujung bulan ini, bererti lengkaplah satu pusingan penuh sistem penggiliran jawatan itu yang diperkenalkan sejak Barisan Nasional (BN) mengambil alih teraju kerajaan negeri daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) pada Mac 1994.

Dua nama yang disebut-sebut setakat ini dikatakan sudah mengadakan pertemuan berasingan minggu lepas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin yang telah memperkenalkan idea penggiliran jawatan itu pada pilihan raya negeri 1994.

Kedua-dua tokoh itu ialah Datuk Joseph Kurup yang merupakan Timbalan Ketua Menteri dan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri dan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

Rata-ratanya ramai yang percaya bahawa Perdana Menteri sudahpun menetapkan siapa yang bakal dilantik ke jawatan itu bagi menyempurnakan janji beliau untuk memberi peluang kepada tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- untuk menerajui kerajaan negeri setiap dua tahun.

Tetapi berita mengenai pertemuan berasingan Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dengan kedua-dua pemimpin berkenaan hanya menghangatkan lagi spekulasi mengenai mana satu antara dua pemimpin itu yang mempunyai peluang lebih cerah.

Sekalipun pemerhati politik tempatan tidak menolak kemungkinan ada nama ketiga yang berpotensi untuk dilantik menyandang jawatan itu, tetapi itu kelihatan agak sukar untuk menjadi kenyataan.

Menurut pendapat ramai, hanya Dompok dan Kurup yang mempunyai kelebihan paling munasabah untuk dilantik ke jawatan itu berbanding tokoh Bumiputera bukan Islam lain dalam kerajaan negeri.

Teka-teki yang berpanjangan dalam fasa penggiliran kali ini adalah ekoran kewujudan dua calon pemimpin Bumiputera bukan Islam yang sama-sama mengetuai parti yang memperjuangkan nasib masyarakat Bumiputera bukan Islam di Sabah.

Agak sukar untuk membayangkan orang lain selain daripada Dompok dan Kurup dilantik ke jawatan itu, kata mereka.

Tiada teki-teki besar yang timbul dalam pelaksanaan dua fasa penggiliran jawatan itu sebelum ini -- yang didahului oleh pemimpin Bumiputera Islam dan kemudian diikuti Cina.

Ketika pemimpin Bumiputera Islam dilantik ke jawatan itu, mereka mempunyai Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun), seorang pemimpin veteran yang paling berpengalaman di kalangan masyarakat itu ketika itu.

Apabila Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri, teka-teki turut wujud mengenai siapa yang menggantikan beliau, tetapi ia tidak begitu meluas kerana semua pihak maklum bahawa seorang pemimpin dari Umno akan dilantik dan ketika itu Datuk Salleh Tun Said sudah merupakan seorang Timbalan Ketua Menteri.

Saat genting yang pernah disaksikan dalam pelaksanaan sistem itu di Sabah ialah apabila berlaku peralihan kuasa daripada Bumiputera Islam

kepada kaum Cina.

Tetapi ketika itu, persoalannya bukan mengenai siapa yang akan dilantik tetapi lebih kepada sama ada peralihan kuasa itu dapat dilakukan ekoran adanya desakan di kalangan penyokong Umno Sabah yang mahu agar pelaksanaan sistem itu tidak diteruskan.

Persoalan mengenai pengganti Salleh sendiri sudah jelas kerana Perdana Menteri telah menamakan Yong sebagai pengganti.

Tetapi kali ini, semuanya jelas bahawa penggiliran akan diteruskan, cuma yang menjadi perbualan ialah siapa pemimpin yang bakal dilantik ke jawatan itu dan keadaan ini dirumitkan lagi oleh kewujudan dua parti berasaskan Bumiputera bukan Islam dalam BN Sabah.

Siapa pilihan Dr Mahathir? Dompok atau Kurup? Penyokong kedua-dua pihak mempunyai pandangan dan alasan mereka sendiri kenapa pemimpin mereka wajar menjadi pilihan.

Kurup selaku Timbalan Ketua Menteri merupakan penyandang jawatan yang lebih kanan dalam kerajaan negeri walaupun PBRS yang diterajuinya hanya mempunyai dua orang Anggota Dewan Undangan Negeri, termasuk Kurup sendiri.

Dompok pula dilihat mempunyai kekuatan daripada segi kedudukan PDS sebagai parti kedua terbesar dalam kerajaan negeri dengan 11 orang anggota manakala sumbangan PDS dalam memajukan masyarakat Kadazandusun dilihat sebagai bukti kemampuan Dompok.

Jika faktor sumbangan parti masing-masing dijadikan perhitungan, ternyata Dompok dilihat mempunyai kelebihan ketara kerana PDS dilihat sebagai parti yang telah cuba dan berjaya meletakkan masyarakat Bumiputera bukan Islam ke satu tahap yang belum pernah dicapai sebelum ini.

Antara pencapaian PDS ialah dalam soal merundingkan pengajaran bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah di Sabah, penubuhan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun (KCCI) serta penubuhan Yayasan Bahasa Kadazandusun.

"Tetapi semua itu tidak menjadi jaminan kerana selain faktor sumbangan seseorang pemimpin, faktor lain seperti latar belakang pemimpin berkenaan turut mempengaruhi proses pembuatan keputusan," kata seorang penyokong PBRS.

Kurup sendiri dilihat mempunyai sejarah hubungan yang baik dengan pemimpin kerajaan Persekutuan sekalipun ketika masih menjadi pemimpin kanan dalam kerajaan pembangkang PBS (1985-1994) dahulu.

PBS pula berpendapat kedua-dua pemimpin parti berasaskan Kadazandusun dalam BN itu tidak layak menjadi Ketua Menteri, sebaliknya melancarkan kempen bagi meraih sokongan pengundi agar PBS dapat kembali memerintah.

Bagi PBS, hanya Presiden mereka Datuk Joseph Pairin Kitingan merupakan pemimpin Kadazandusun yang paling layak menerajui kerajaan negeri.

Pelbagai cara dilakukan oleh pemerhati politik dari kedua-dua khemah ini untuk mendapat gambaran mengenai siapa yang bakal menjadi pilihan Dr Mahathir. Antaranya ialah menilai tempoh Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan kedua-dua pemimpin berkenaan, minggu lepas.

Sumber PDS berkata beliau diberitahu oleh pemimpin PBRS bahawa Dompok berada lebih lama di pejabat Perdana Menteri.

Tempoh pertemuan itu dikatakan boleh memberi gambaran mengenai siapa yang telah berjaya menduduki kerusi panas Ketua Menteri itu.

Jika pertemuan itu cuma sekejap, kata mereka, ini bermakna pemimpin berkenaan telah menjadi pilihan kerana Perdana Menteri hanya perlu memberitahu mengenai keputusannya berhubung pelantikan itu dan memberikan amanat mengenai apa yang harus dilakukan.

"Jika pertemuan itu berlangsung dalam tempoh yang agak lama, mungkin kerana Perdana Menteri perlu menerangkan secara panjang lebar mengenai rasional kenapa pemimpin berkenaan tidak dapat diberi peluang untuk dilantik ke jawatan itu buat masa ini," katanya.

Tetapi perkara ini boleh berlaku sebaliknya, menurut seorang pemerhati. Jika sekejap, ia bermakna pemimpin berkenaan berkenaan telah tidak terpilih dan Perdana Menteri hanya mengambil masa sekejap untuk memberitahu keputusannya.

"Jika pertemuan itu lama, mungkin kerana Perdana Menteri mahu menggariskan dengan terperinci apa yang beliau jangkakan daripada Ketua Menteri baru itu, lebih-lebih lagi kerana pemimpin berkenaan akan mengemudi BN Sabah dalam menghadapi pilihan raya negeri yang akan datang," katanya.

Kedua-dua andaian itu kelihatan munasabah tetapi kerusi Ketua Menteri hanya satu dan apapun spekulasinya, hanya seorang yang akan dilantik ke jawatan itu.

Sumber terdekat PDS berkata, sehingga minggu lepas, iaitu sebelum pertemuan dengan Perdana Menteri, Dompok dikatakan masih berada di tempat pertama "kecualilah jika ada perubahan berlaku pada saat-saat akhir."

Keyakinan itu dikatakan berasaskan "sumber-sumber dari Kuala Lumpur" serta kenyataan Perdana Menteri dalam lawatannya ke Sabah awal tahun ini bahawa pemimpin yang akan dilantik ke jawatan itu tidak semestinya mereka yang sedang memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri.

Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat minggu lepas berkata pengumuman mengenai Ketua Menteri baru itu dijangka dilakukan dalam tempoh terdekat ini.

Peralihan kuasa kali ini dijangka tidak menimbulkan sebarang masalah kerana Yong, Ketua Menteri kedua daripada kaum Cina selepas Datuk Peter Lo (sekarang Tan Sri Peter Lo), sejak awal-awal lagi telah menyatakan bahawa beliau akan berundur apabila tiba masanya.

Yong bagaimanapun dijangka terus berada dalam kabinet negeri.

Walau apapun kemungkinannya, menjelang hujung bulan ini, Ketua Menteri yang ke 11 akan dilantik dari kalangan Bumiputera bukan Islam dan segala persoalan mengenainya akan terjawab dengan sendirinya.

-- BERNAMA

JS MAI